

Ulu Tembeling makin kronik

Himpunan Hijau desak hentikan pembalakan, Deklarasi Ulu Tembeling dikeluarkan untuk bendung masalah

■ ROSILAWATI ROSEDI

KUANTAN - Himpunan Hijau kesal dengan sikap pihak berkuasa yang didakwa seolah-olah tidak peka dengan krisis alam sekitar yang berlaku sehingga menimbulkan banyak impak negatif di negeri ini.

Pengerusinya, Wong Tack mendakwa, beberapa lokasi di negeri ini terjejas dan menerima kesan buruk akibat pembangunan yang dijalankan seperti di Ulu Tembeling, Jerantut.

Menurutnya, pihaknya bersama beberapa badan bukan kerajaan, aktivis alam sekitar, pakar-pakar akademik, kumpulan alam sekitar dan editor-editor kanan berita tempatan mengeluarkan Deklarasi Ulu Tembeling selepas melawat dan meninjau kawasan hutan tadahan air semula jadi di lokasi berkenaan.

“Seramai enam wakil dari Himpunan Hijau termasuk saya

sendiri menyertai ekspedisi bersama pihak-pihak lain dan melihat sendiri kemusnahan ketara yang berlaku di kawasan tersebut yang bukan saja terlibat dengan aktiviti pembalakan malahan tanaman kelapa sawit.

“Impaknya sangat besar dan kita melihat pihak berkuasa seperti tidak peka dan sedar dengan masalah yang berlaku ini,” katanya dalam sidang media di sini, semalam.

Ujarnya, biarpun berlaku hujan namun ia masih belum dapat meningkatkan paras air Sungai Pahang yang kering selepas dilanda El-Nino sejak beberapa bulan lalu.

Beliau memberitahu, deklarasi itu akan dihantar ke pihak berkaitan untuk memastikan kebimbangan dan kesan negatif yang akan dirasakan masyarakat khususnya penduduk di negeri ini dapat dibendung.

Dalam deklarasi itu antara lain kandungannya memperakui kejadi-

an air kering khususnya di Sungai Tembeling dan Sungai Pahang bukan semata-mata kerana faktor El-Nino sebaliknya berpunca pembukaan hutan bagi tujuan perladangan tidak terkawal di kawasan hutan tadahan air semula jadi bagi sungai-sungai di Ulu Tembeling.

Ia juga mendesak kerajaan negeri menghentikan serta-merta segala aktiviti pembalakan membabitkan kawasan hutan tadahan air semula jadi bagi Ulu Sungai Tembeling dan semua anak-anak sungainya.

Deklarasi itu juga meminta supaya mengisytiharkan kejadian air Sungai Tembeling dan Sungai Pahang yang cetek ini sebagai 'Bencana Air Negara' sejajar dengan status Sungai Pahang sebagai sungai terpanjang di Semenanjung Malaysia yang membekalkan sumber air mentah kepada sebahagian besar penduduk di negara ini.



Wong Tack (tengah) ketika sidang medianya, semalam.